

Kampus tetap KUTKM mula operasi 2004

Archival News | Berita Harian | 10/08/2002 | Author: Mohd Azrone Sarabatin

SEJAJAR dengan matlamat menjadi universiti teknikal ulung yang terkemuka di dunia, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menawarkan 30 kursus peringkat diploma hingga doktor falsafah (Phd) menjelang 2010.

Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata universiti teknikal awam pertama negara yang beroperasi di Melaka itu kini sudah menawarkan 16 kursus peringkat ijazah sarjana muda menerusi lima fakulti.

Katanya, kesemua kursus yang sedang dan akan ditawarkan memberi fokus kepada bidang teknikal membabitkan program pengajian dalam sektor kejuruteraan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Bagi mencapai matlamat 30 kursus menjelang 2010, jumlah fakulti akan ditambah kepada 10.

Beliau berkata, penambahan kursus daripada 16 kepada 30 bidang mengambil masa lapan tahun untuk dilaksanakan kerana kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh hanya mampu menampung 8,000 pelajar.

"Kampus tetap KUTKM di Mukim Durian Tunggal, Alor Gajah dijangka mula beroperasi pertengahan 2004 dan ia mampu menampung 15,000 pelajar dalam satu masa. Apabila siap sepenuhnya kami akan menawarkan 30 kursus.

"Kewibawaan pensyarah kami tidak boleh diperkecilkan kerana mereka mempunyai pengalaman mengajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sekurang-kurangnya memiliki kelulusan ijazah sarjana dan PhD.

"Begitu juga dengan kemudahan infrastruktur, terutama makmal dan bilik kuliah, semuanya dilengkapi peralatan serba canggih. Ini memberi peluang pelajar mengikuti pembelajaran dalam keadaan selesa," katanya dalam pertemuan di Balai Berita, Kuala Lumpur, Rabu lalu.

Ketika ini KUTKM mempunyai lima fakulti, iaitu Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer; Kejuruteraan Elektrik; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Pembuatan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Selain itu, kolej universiti itu juga mempunyai dua pusat akademik, iaitu Pusat Perkhidmatan Akademik dan Pusat Universiti Industri.

Kursus yang ditawarkan pula ialah kejuruteraan elektronik (elektronik industri), kejuruteraan elektrik (kuasa industri), kejuruteraan mekanikal (thermal-bendalir) dan kejuruteraan pembuatan (proses dan sistem pembuatan).

Dalam bidang ICT pula membabitkan pembangunan perisian; media interaktif dan rangkaian komputer; kejuruteraan elektronik; kejuruteraan komputer dan elektromekanikal; kejuruteraan mekanikal (struktur dan bahan) dan kejuruteraan pembuatan.

Kolej universiti yang mengambil pelajar pertamanya pada Jun tahun lalu kini mempunyai lapan tenaga pengajar bertaraf profesor dan profesor madya (empat).

Seramai 1,480 sedang menuntut di institusi pendidikan tinggi awam itu dan pelajar kumpulan pertama akan menamatkan pengajian pada Mac 2005.

Mengenai kursus peringkat diploma membabitkan lima bidang, iaitu kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan pembuatan dan ICT, Dr Mohd Ruddin berkata ia kini dalam proses kelulusan.

Berhubung pengambilan pelajar pada masa depan pula, beliau menjelaskan kolej universiti itu akan mengambil sehingga 15,000 pelajar menjelang 2010

dan daripada jumlah itu 12,000 orang akan mengikuti pengajian diploma dan peringkat ijazah pertama, manakala bakinya sarjana dan PhD.

Beliau berkata kursus yang ditawarkan KUTKM mempunyai kelainan kerana ia secara `hands on' dan pelajarnya mempunyai peluang kerjaya yang cerah apabila tamat pengajian nanti kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran.

"Semua kursus yang ditawarkan mempunyai kaitan dengan industri hari ini. Keadaan itu memberi ruang yang terbuka luas kepada graduan kami untuk menceburi sektor pekerjaan selepas menamatkan pengajian," katanya.

(END) Source : Berita Harian